

07/08/2002

Air: Singapura tidak perlu tunggu 2011 (HL)

Kadir Dikoh; Salina Abdullah

PETALING JAYA, Selasa - Singapura boleh berhenti membeli air dari Malaysia sekarang tanpa perlu menunggu sehingga 2011 kerana penjualan komoditi itu sejak 75 tahun lalu tidak memberi keuntungan kepada negara ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, air yang dijual Malaysia kepada Singapura pada harga tiga sen bagi setiap 1,000 gelen (4,500 liter) yang diguna pakai sejak 1927, tidak masuk akal sama sekali.

Malah, Perdana Menteri menegaskan, Malaysia tidak pernah bergantung kepada Singapura untuk menjana pendapatannya melalui hasil penjualan air.

"Jika mereka tak ingin memperbaharui, tak apa, kita boleh henti. Malah sekarang, tak perlu tunggu 2011. Banyak air laut di sekeliling yang boleh disuling atau sebagainya.

"Kita sebenarnya rugi apabila menjual kepada mereka. Jika mereka berhenti beli, maka kita tak rugi. Kita boleh jual kepada rakyat kita pada harga lebih tiga sen setiap 1,000 gelen.

"Malah, kita jual kepada Melaka pada harga 30 atau 40 sen setiap 1,000 gelen. Itu ke Melaka, dalam Malaysia sendiri," katanya mengulas laporan Singapura tidak akan memperbaharui satu daripada dua perjanjiannya dengan Johor berhubung pembelian air.

Malaysia dan Singapura menandatangani dua perjanjian air pada 1961 dan 1962 bagi membekalkan 214 juta liter air mentah ke republik itu setiap hari.

Semalam, Menteri Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata Singapura mengambil keputusan tidak menyambung Perjanjian Air 1961 yang tamat pada 2011.

Keputusan itu dinyatakan oleh Perdana Menteri, Goh Chok Tong ketika dikunjungi Muhyiddin di Singapura kelmarin dengan alasan republik itu mampu membekalkan 100 juta gelen air sehari kepada rakyatnya menggunakan teknik pembersihan moden menerusi kaedah Newater dan penyulingan air laut.

Malaysia berpegang kepada peruntukan Artikel 17 dan 14 Perjanjian 1961 dan 1962, yang membenarkan kedua-dua pihak mengadakan kajian semula selepas tempoh 25 tahun - iaitu pada 1986 dan 1987.

Mengikut Perjanjian 1961 dan 1962, Singapura akan membeli air mentah dari Johor pada harga tiga sen setiap 3,000 gelen, manakala Malaysia pula akan membeli semula air dirawat dari Singapura pada harga 50 sen setiap 1,000 gelen.

Perjanjian 1961 membabitkan bekalan air mentah ke Singapura dari kawasan tadahan di Sungai Pulai, Sungai Skudai dan Sungai Tebrau, tanpa had. Perjanjian 1962 pula memberi Singapura hak eksklusif untuk mengambil air mentah dari Sungai Johor sehingga maksimum 250 juta gelen sehari pada harga yang sama iaitu tiga sen setiap 3,000 gelen.

Dr Mahathir yang sebelum itu merasmikan Konvensyen Kebangsaan Usahawan Wanita 2002 di sini berkata, Malaysia sekadar membantu Singapura dengan menjual air berdasarkan perjanjian yang ditandatangani.

Katanya, harga tiga sen bagi setiap 1,000 gelen yang dibeli Singapura adalah tidak munasabah.

"Boleh anda beritahu saya apa juga barang yang dijual pada harga tiga sen pada 1927 dan harga itu masih kekal sehingga sekarang? Jika anda boleh tunjukkan, saya sedia terima.

"Kedua-dua pihak perlu bersetuju pada perjanjian membekalkan air tetapi dalam kes ini (harga), kita tidak bersetuju," katanya.

Beliau berkata, Malaysia mahu menggunakan ukuran harga air yang dibeli

Hong Kong dari Tanah Besar China pada harga RM8 bagi setiap 1,000 gelen bagi penetapan harga air yang dijual ke Singapura, tetapi republik itu tidak bersetuju.

"Kita mahu menggunakan (ukuran itu) tetapi mereka kata tidak, itu bukan air yang dirawat. Ya, bagi tahu saya jika ia air yang dirawat (dijual) pada RM8, saya juga bersedia menjual air yang dirawat pada RM8 juga," katanya.

Ditanya sama ada perlu bagi Malaysia untuk terus berbincang mengenai harga air jika Singapura tidak lagi berminat, Dr Mahathir berkata hakikatnya ialah ia terkandung dalam perjanjian.

"Kita mesti membekalkan mereka dengan air kecuali kita nak berperang dengan mereka. Kita akan teruskan, kita janji kepada mereka bahawa kita akan bekalkan air tetapi bukan untuk mereka menjualnya bagi mendapat keuntungan. Ia adalah untuk memberikan air yang cukup untuk kegunaan rakyat Singapura," katanya.